



■ Wakil Ivorycares bergambar bersama salah seorang penerima sumbangan.

Ivorycares turun padang hulu bantuan

GEORGETOWN – Sambutan Syawal masih lagi terasa dengan sikap prihatin pihak swasta dan korporat untuk terus membantu golongan yang memerlukan.

Naib Presiden Persatuan Kebajikan Ivory Pulau Pinang (Ivorycares), Janice Lim berkata, Ivorycares iaitu badan amal dari Ivory Properties Group menyalurkan sumbangan untuk beberapa keluarga miskin sepanjang Syawal ini.

"Kami dari Ivorycares mengambil inisiatif dengan melawat sendiri empat keluarga yang kurang bernasib baik di dua lokasi iaitu di Tanjung Tokong dan Sungai Pinang.

"Selaku badan amal, kami melihat individu dan keluarga yang memerlukan sokongan terutama semasa musim perayaan untuk kegembiraan, ia juga kerana kami terdiri dari kakitangan sukarela dengan menjalankan kegiatan amal dan projek terancang secara konsisten sepanjang tahun," katanya selepas melawat kedua-dua keluarga berkenaan.

Salah seorang penerima yang hanya ingin dikenali sebagai Maznah berkata, dia kini tinggal di Sungai Pinang bersama suami dan tiga anak.

"Dua dari anak saya telah dihantar ke pusat pemulihan kerana penyakit mental dan saya juga ada memiliki ke-

sulitan untuk memulihkan keluarga saya sendiri kerana tahap kesihatan saya yang tidak baik.

"Ditambah lagi dengan suami juga yang menganggur dan dengan adanya bantuan ini ia boleh membantu sedikit sebanyak saya ketika dikunjungi keluarga semasa perayaan ini," katanya.

Janice berkata, selain Maznah, seorang lagi ibu tunggal yang dibantu ialah seorang wanita yang dikenali sebagai Mak Bee.

"Kesihatannya semakin teruk apabila dia mempunyai masalah jantung, sehingga tidak mampu melakukan kerja berat.

"Setelah suaminya meninggal, dia tinggal bersama seorang anak yang hanya bekerja sebagai tukang rumah, lebih sedih kerana wang gaji juga hanya cukup untuk keluarganya sahaja, jadi kami ambil keputusan untuk turut sama membantu keluarga tersebut," katanya.

Dalam pada itu, tidak ketinggalan warga emas yang menghidap penyakit strok selama 10 tahun di Tanjung Tokong dan juga seorang wanita yang mengalami cacat mental turut menerima bantuan.

Kesemua mereka menerima sumbangan bernilai RM2,000 termasuk makanan, pakaian, peralatan tandas, barangan rumah dan duit raya.